

**Najib arah BN tawan semula Telok Kemang, tiga DUN**  
**MalaysiaKini.com**  
**26 Februari 2018**

Barisan Nasional (BN) Negeri Sembilan digesa bekerja lebih kuat dan menawan kembali kawasan Parlimen Telok Kemang yang dikuasai PKR sejak dua penggal lalu.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata sudah sampai masanya pengundi di kawasan Parlimen Telok Kemang membuat perubahan dan memberi peluang kepada BN untuk mentadbir.

“Bukan sahaja di kawasan Parlimen Telok Kemang (kita mahu menang), tetapi tiga lagi DUN (Dewan Undangan Negeri dalam kawasan parlimen itu) yang kita mahu menang.

“Daripada lima, kita telah ada dua (DUN) dan kita nak tiga lagi,” katanya dalam ucapan pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Dataran Kompleks Pentadbiran Daerah Port Dickson hari ini.

Pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13), dalam pertandingan tiga penjur, BN yang diwakili Ketua Penerangan MIC Kebangsaan Datuk VS Mogan dan calon bebas Kamarudin Kumaravel Abdullah kalah kepada calon PKR Datuk Kamarul Baharin Abbas dengan majoriti 1,579 undi.

Kawasan Parlimen Telok Kemang yang mempunyai lima kerusi DUN dengan Bagan Pinang dan Linggi dikuasai BN manakala baki Chuah dan Port Dickson disandang PKR dan Lukut oleh DAP.

Berucap di hadapan kira-kira 10,000 hadirin pada majlis itu, Najib yang juga Pengerusi BN dan Presiden Umno mahu BN Negeri Sembilan mencapai kemenangan dua pertiga majoriti pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

"Sekarang ini, kita telah menang 22 kerusi DUN dan kita mahu menang 24 kerusi dan ke atas...kita nak 26 kerusi atau 27 kerusi.

“Tadi dalam ucapan Tok Mat (Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Mohamad Hasan) tidak meminta apa-apa, dan sekiranya mahu meminta lampu jalan dan sebagainya bolehlah dimasukkan dalam manifesto kita dan sekiranya menang, lebih banyak pembangunan akan kita bawa di Telok Kemang.

“Mudah-mudahan BN akan terus berjaya di sini (Telok Kemang), Negeri Sembilan dan juga seluruh negara,” kata perdana menteri.

Negeri Sembilan yang memiliki lapan kerusi Parlimen – Rembau, Tampin, Jelebu, Kuala Pilah, Jempol, Seremban, Rasah dan Telok Kemang – dengan lima daripadanya iaitu Rembau, Tampin, Jelebu, Kuala Pilah dan Jempol dikuasai BN pada PRU13 manakala baki Seremban dan Rasah disandang DAP serta Telok Kemang, PKR.

Selain itu, terdapat 36 DUN di negeri ini dengan 22 kerusi dimenangi BN, 11 DAP dan tiga PKR.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, perdana menteri dalam ucapannya juga turut membidas pembangkang yang menyifatkan usaha kerajaan untuk membangunkan Langkawi sebagai 'dedak' menjelang PRU14.

“Ini sudah ada dalam RMK11 (Rancangan Malaysia ke-11) lebih awal lagi, saya umumkan bagi pihak kerajaan kumpul-kumpulkan segalanya jadi bunyi besar... jadi saya umumlah peruntukan RM1.3 bilion untuk Langkawi dan peruntukan itu untuk apa? Untuk air, hospital dan untuk rakyat.

Nak kata saya takut kepada dia (pembangkang), nak takut apa? BN tidak pernah takut kepada sesiapa,” kata perdana menteri sambil menegaskan pembangkang tidak pernah memberi cadangan konstruktif ke arah kemajuan negara.

Najib berkata BN sebuah parti yang inklusif yang menjaga kebajikan semua rakyat.

"Tak payahlah kita fikir banyak, apa yang penting kita sudah ada yang baik, sudah ada perancangan untuk masa depan kita, kita bukan janji-janji kosong...kita bukan buat manifesto lepas itu kata kita tak terikat dengan manifesto.

Ini satu hal juga manifesto ini...dia boleh kaji semula manifesto, kita tak kaji semula. Manifesto dulu 97.5 peratus kita telah dapat penuhi. Ini kerajaan BN kita,” katanya.

Selain Mohamad, turut hadir pada majlis itu, Ketua Umno Bahagian Telok Kemang Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad serta barisan kepimpinan BN negeri dan Telok Kemang.

**Copyright © 1999-2016 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**  
Source: <https://www.malaysiakini.com/news/413498>